

22.7.2021_Harian Metro_MOSTI_PAC panggil Khairy, Tengku Zafrul

PAC panggil Khairy, Tengku Zafrul

Kuala Lumpur: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz antara individu yang akan dipanggil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada prosiding berhubung isu perolehan vaksin Covid-19 dan penggunaannya terhadap rakyat Malaysia yang disambungkan semula Selasa depan.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh dalam kenyataan di sini berkata, Khairy akan dipanggil semula pada 27 Julai manakala Tengku Zafrul akan dipanggil pada 28 Julai.

Katanya, jawatankuasa itu

juga akan mendengar penjelasan daripada Akauntan Negara, Datuk Dr Yacob Mustafa pada 28 Julai.

PAC sebelum ini, memulakan prosiding berhubung perkara itu dengan mendengar penjelasan daripada Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada 5 Jan lalu.

"Mengambil kira perkembangan terbabit mengenai perolehan vaksin Covid-19 sepanjang tempoh darurat berkuat kuasa selama enam bulan, PAC ber-

pendapat kerajaan perlu memberikan penjelasan lebih terperinci kepada jawatankuasa ini memandangkan senarinya sudah berubah berbanding Januari lalu," katanya.

Wong berkata, prosiding berhubung



isu itu menggunakan punca kuasa daripada Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang membenarkan PAC memeriksa apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh jawatankuasa itu patut diperiksa.

PAC komited menyatupadukan laporan mengenai isu perolehan vaksin Covid-19 dan penggunaannya terhadap rakyat Malaysia sebelum dibentangkan ke Parlimen selepas lewatnya pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat sidang Dewan Rakyat yang dijadual Oktober hingga Disember. - Bernama